

UMP imarahkan Ramadan

Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA

pengarang@utusan.com.my

■ Kuantan 22 Mei

SEPANJANG Ramadan ini, Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerusi Pusat Islam dan Pembangunan Insan (Pimpin) akan menganjurkan pelbagai aktiviti bagi mengimarahkan bulan yang mulia bagi umat Islam ini.

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Seri Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, antara program yang akan diadakan ialah Festival Ramadan dengan pengisian solat tarawih, tadarus dan iftar jamaie.

"Aktiviti lain termasuk program Memasak Bubur Lambuk, Ceramah Anda Tanya Ustaz Jawab: Ramadan Datang Berseadakah Kita?, Singgah Mesra dan Kuliah Dhuha: Mengejar Lailatul Qadar.

"Turut diadakan Seminar Nuzul al-Quran dan banyak lagi bagi memberi peluang kepada warga kampus dan masyarakat setempat untuk turut serta," katanya di

Utusan Malaysia (Aman Akademik) 23 Mei 2018 (Rabu) M/s: 26



DAING NASIR IBRAHIM menyampaikan sumbangan Tabung MyGift UMP kepada Mahyudin Ismail bagi menjalankan aktiviti mengimarahkan Festival Ramadan UMP di UMP Kampus Kuantan, Pahang, semalam. - UTUSAN/MOHAMAD SHOFI MAT ISA

sini hari ini.

Daing Nasir berkata, Tabung MyGift menyampaikan sumbangan RM129,000 kepada pengurusan masjid UMP yang diwakili Pengarah Pimpin, Dr. Mahyudin Ismail di Canseleri Tun Abdul Razak, UMP Pekan untuk mengimarahkan Festival Ramadan tahun ini.

"Bantuan menerusi sumbangan dana, tajaan orang perseorangan, badan korporat dan orang ramai adalah menerusi inisiatif Endowmen MyGift UMP. Ini termasuk pengurusan penyediaan juadah berbuka puasa, moreh dan sahur sepanjang Ramadan ini," katanya.

Menurutnya lagi, sumbangan tersebut dapat membantu pengurusan masjid mengimarahkan Ramadan dengan pelbagai aktiviti bermanfaat kepada warga UMP terutama mahasiswanya.

"Saya menasihatkan mahasiswa dan masyarakat setempat untuk memanfaatkan Festival Ramadan yang berlangsung di kedua-dua kampus di Pekan dan Gambang," katanya.

Sementara itu, Mahyudin berkata, pihaknya masih mengekalkan konsep yang sama iaitu memasak mengikut jadual bagi penyediaan juadah berbuka puasa secara bergotong-royong mengikut setiap jabatan atau fakulti.

"Antara menu yang disediakan ialah nasi putih, gulai kawah, sayur campur, ayam masak merah, bubur lambuk, ayam masak kurma dan sebagainya mengikut jadual yang ditetapkan," ujarnya.

Orang ramai yang berhasrat menyumbang untuk Tabung MyGift UMP boleh mendapatkan maklumat lanjut dengan melayari laman sesawang mygift.ump.edu.my.